

TINJAUAN KEPERLUAN AKTIVITI KEROHANIAN DALAM KALANGAN GURU PELATIH MUSLIMAH DI IPG KAMPUS BATU LINTANG

Sharifah Nooraida Binti Wan Hasan
Sharifah Fatimah Binti Wan Jamel
Jabatan Pendidikan Islam dan Moral

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau keperluan pelaksanaan aktiviti kerohanian dalam kalangan guru pelatih muslimah di IPG Kampus Batu Lintang. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti aktiviti kerohanian yang diperlukan serta memperoleh cadangan guru pelatih terhadap pelaksanaan aktiviti kerohanian di IPG Kampus Batu Lintang. Responden kajian terdiri daripada 88 orang guru pelatih muslimah Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan, Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan, Bachelor of Education (TESL-Otago), Kursus Diploma Perguruan Malaysia KEMAS (Pra Sekolah) dan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) yang sedang menuntut di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. Data kajian dikumpul melalui pentadbiran soal selidik. Data kajian dianalisis menggunakan SPSS Versi 13.0. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru pelatih sangat memerlukan aktiviti-aktiviti kerohanian seperti bacaan Yasin terutamanya dalam mendekati diri kepada Allah S.W.T. Majalah-majalah keagamaan yang terdapat di perpustakaan turut menyumbang kepada pembentukan kerohanian dalam diri guru pelatih.

Kata kunci: syakhsiah, keperluan aktiviti kerohanian, guru pelatih muslimah

ABSTRACT

This study aimed to explore the need for implementation of spiritual activities among Muslim trainee teachers in Teacher Education Institute, Batu Lintang Campus. This study also aimed to identify the spiritual activities needed by the Muslim trainee teachers and obtain feedback on the implementation of spiritual activities in the campus. The respondents consisted of 88 Muslim trainee teachers in the Foundation Program for Bachelor of Education, Bachelor of Education program, Bachelor of Education (TESL-Otago) program, the Malaysian Diploma in Pre-School Education Program (KEMAS) and Postgraduate Teacher Education Program (KPLI). Data was collected through administration of a questionnaire. Data was analyzed using SPSS version 13.0. Overall, the study showed that the trainee teachers needed spiritual activities such as reading Yasin, especially in getting closer to Allah S.W.T. Religious magazines available in the library also contributed to the spiritual development of the trainee teachers.

Keywords: *syakhsiah, the need for spiritual activities, Muslim trainee teachers*

PENDAHULUAN

Aktiviti kerohanian merupakan aktiviti yang mampu membina jati diri yang mantap dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi sekiranya dilaksanakan sejajar dengan keperluan para pelajar. Justeru adalah penting bagi institusi pendidikan guru yang melatih bakal-bakal guru untuk menjadi insan yang bermoral dan memiliki syakhsiah yang dikagumi, tidak ketinggalan dalam mengambil berat terhadap aktiviti kerohanian yang akan serta telah dijalankan seperti sambutan Maal Hijrah, sambutan Maulidurrasul, bacaan Yasin, tazkirah dan sebagainya. Justeru, kajian ini telah dijalankan dalam usaha mengenal pasti keperluan semasa guru pelatih muslimah Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. Maklumat yang diperolehi akan membantu Jabatan Pendidikan Islam dan Moral IPG Kampus Batu Lintang dalam merangka dan menganjurkan program berdasarkan keperluan guru pelatih muslimah dari semasa ke semasa.

Permasalahan Kajian

Dalam pembinaan syakhsiah muslimah yang unggul dalam kalangan pelajar, beberapa elemen perlu diterapkan dalam kehidupan seharian,

sekaligus ianya dapat membina jati diri yang syumul bertepatan dengan keperibadian junjungan besar Rasulullah seperti dalam sabda Baginda SAW:

إِنَّمَا بَعَثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

Maksudnya: *Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia*

(Hadis Riwayat Bukhari)

Antara elemen tersebut adalah pembinaan berterusan dan konsisten agar proses penyerapan dan pembentukan nilai-nilai murni ke dalam jiwa pelajar dapat dihayati sepenuhnya. Kepincangan norma akhlak yang murni dalam kalangan masyarakat antaranya berpunca daripada kurangnya fokus dan penumpuan terhadap pembinaan kerohanian yang sempurna dan mantap.

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا

Maksudnya: *“Berbahagialah orang yang membersihkan jiwanya, dan rugilah orang yang mengotorinya”*

(Surah As- Syams: 9-10)

Justeru, pembinaan akidah yang sempurna dan sesuai dengan landasan syariat Islamiah adalah merupakan tunjang penting dalam pembentukan masyarakat yang harmoni serta cemerlang duniawi dan ukhrawi.

Memandangkan setakat ini belum ada kajian yang mendokumentasikan keberkesanan and keperluan aktiviti kerohanian dalam kalangan guru pelatih IPGKBL, penulis merasakan adalah satu keperluan untuk Jabatan Pendidikan Islam dan Moral IPG Kampus Batu Lintang mengetahui apakah aktiviti-aktiviti yang diperlukan oleh para pelatih muslimah dalam mendidik jiwa sekaligus membantu memantapkan jati diri guru pelatih dalam meneruskan kerjaya sebagai bakal guru.

Rasional Kajian

Sebagai seorang bakal guru yang mempunyai tanggungjawab dalam membentuk keperibadian masyarakat pada masa akan datang, ketrampilan diri sebagai pendidik muslimah akan dapat ditonjolkan dengan adanya kesediaan jiwa yang mantap melalui aktiviti-aktiviti aqidah dan kerohanian yang dilaksanakan. Aktiviti ini sekaligus dapat menerapkan unsur-unsur murni yang seiring dengan pembinaan syakhsiah diri seorang muslimah. Menurut Ramli (1997), akidah Islam adalah akidah rabbani yang diambil secara langsung dari kalam Allah SWT yang tiada kebatilan padanya iaitu

al-Quran al-Karim yang bersumberkan sunnah yang sahih selaku penjelas dan pentafsir kepada kitab al-Quran.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau pelaksanaan aktiviti kerohanian dalam kalangan guru pelatih muslimah di IPG Kampus Batu Lintang. Secara spesifik, kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengenalpasti keperluan pelaksanaan aktiviti kerohanian dalam kalangan guru pelatih muslimah di IPG Kampus Batu Lintang
2. Mengenalpasti aktiviti kerohanian yang diperlukan oleh guru pelatih muslimah di IPG Kampus Batu Lintang
3. Meninjau cadangan guru pelatih muslimah terhadap pelaksanaan aktiviti kerohanian di IPG Kampus Batu Lintang

SOROTAN LITERATUR

Peranan Rohani dalam Membina Modal Insan

Agama Islam merupakan agama yang ideal yang mempunyai penyelesaian kepada semua masalah yang dihadapi makhluk Allah di muka bumi ini khususnya kehidupan manusia secara individu mahupun masyarakat. Ia juga mampu melahirkan iman dan menyatakannya secara praktikal. Firman Allah SWT:

وَلَقَدْ أُوحِيَ إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكَ لَئِنْ أَشْرَكْتَ
لَيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ وَلَتَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ

Maksudnya: *“Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu dan kepada (nabi-nabi) yang sebelummu: “Jika kamu mempersekutukan (Tuhan), nescaya akan hapuslah amalmu dan tentulah kamu termasuk orang-orang yang rugi.”*

(Surah Az-Zumar: 65)

Kehidupan di dunia ini merupakan jambatan menuju kehidupan ukhrawi yang kekal abadi, maka Allah membekalkan segala macam keperluan dan pimpinan agar manusia betul-betul mengenali Rabbnya secara total. Ini menghasilkan rasa pengabdian yang sebenar yang dijelmakan melalui aktiviti-aktiviti kehidupan seharian yang merupakan ibadah sekiranya

manusia memfokuskan niat semuanya kerana Allah. Mendidik generasi untuk menjadi insan syumul yang mempraktikkan dan menghayati nilai keislaman dengan cara yang betul dengan jiwa rohani yang suci dan murni merupakan tanggung jawab yang perlu disemai seawal pendidikan rendah lagi. Inilah yang pernah ditekankan oleh Rasulullah S.A.W semasa hayat baginda sehingga mampu membentuk rohani yang mantap serta membina insan rabbani yang terunggul dalam kalangan para sahabat, seterusnya disusuli generasi tabi'in, tabiit tabi'in sehingga ke zaman kegemilangan Islam. Nilai murni inilah yang perlu disemai ke dalam jiwa generasi hari ini bagi membina modal insan minda kelas pertama.

Pendidikan rohani merupakan aspek terpenting dalam sesebuah sistem Pendidikan Islam kerana ia penting untuk menyeimbangkan akhlak atau keperibadian para pelajar muslim (Asar & Ahmad Fazullah, 2008). Ini kerana rohani adalah elemen yang berkaitan dengan hati, jiwa, naluri atau seumpamanya yang memberi makna yang sama iaitu merujuk kepada ruh manusia itu sendiri yang tidak diketahui oleh manusia melainkan sedikit sahaja. Hal ini bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Islam itu sendiri. Turki Rabih (1982) menyatakan Falsafah Pendidikan Islam dibina berasaskan empat rukun iaitu:

- (a) Iman yang teguh kepada Allah dan Rasul, malaikat, syurga, neraka dan hari kebangkitan.
- (b) Akhlak yang baik dan mulia.
- (c) Berilmu dalam erti yang menyeluruh.
- (d) Amal soleh di dunia dan akhirat.

Firman Allah:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ يَهْدِيهِمْ رَبُّهُمْ بِإِيمَانِهِمْ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهِمُ
الأنهَرُ فِي جَنَّاتِ النَّعِيمِ

Maksudnya: *Sesungguhnya orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh, mereka dibimbing oleh Tuhan kerana keimanannya, di bawah mereka mengalir sungai- sungai dalam syurga yang penuh kenikmatan.*

(Surah Yunus: 9)

Pembentukan rohani berkait rapat dengan pendidikan akhlak seseorang itu. Ini kerana seseorang yang tampil dengan akhlak serta peribadi yang mulia adalah lahir daripada jiwa yang bersih dan rohani yang suci. Pendidikan ini bermula seawal peringkat bayi yang masih dalam kandungan lagi seterusnya kanak-kanak, remaja dan dewasa. Suasana persekitaran memiliki kesan yang sangat besar dalam pembentukan keperibadian anak-anak (al-Ghazali, 2000). Muhammad Qutb (1993) dalam Abdul Muin (1990) *Jurnal Penyelidikan IPG Kampus Batu Lintang, Jilid 10, 2011*

menyatakan metod pendidikan akhlak adalah meliputi keteladanan, nasihat, hukuman, cerita dan pembiasaan. Antara perkara yang perlu diambil perhatian untuk membentuk insan yang berakhlak antaranya ialah merasa mulia dan bangga dengan Islam serta ajarannya yang merangkumi aqidah, syariah, peradaban dan cara hidup (*the way of life*).

Dalam membentuk jiwa nurani yang murni sebagai jambatan untuk membina peribadi yang luhur, maka ia tidak boleh terpisah dari menjaga tautan hubungan dengan pencipta melalui rasa percaya dan yakin dengan kewujudannya. Dialah yang Maha esa tidak ada kuasa selainNya. Menurut Yusuf al-Qardhawi (1997), melalui tauhid yang suci dari unsur-unsur syirik yang dicapai dalam kehidupan seseorang atau masyarakat akan mendatangkan sebaik-baik hasil dan kesan dalam kehidupan, antaranya adalah:

- Membebaskan manusia dari sebarang kehinaan
- Membentuk peribadi seimbang
- Menjadi sumber ketenangan jiwa
- Menjadi sumber kekuatan jiwa, dan
- Membentuk persaudaraan dan persamaan

Umat Islam sekarang semakin terpisah daripada moral dan tamadun yang positif. Mempelajari agama Islam tidak hanya beerti belajar hukum fiqah atau tajwid, tetapi lebih penting lagi bagaimana umat Islam berfikir melalui sumber-sumber agamanya (Mohd Farid et al., 2008). Islam datang dengan persediaan yang lengkap dan syumul, di mana al-Quran yang disertakan dengan rasul yang membawa risalah yang agung merupakan jaminan Allah yang pasti mampu membentuk hambaNya yang berketrampilan dan menjadi modal generasi yang bakal mewarnai dunia dengan kecemerlangan dan ruh Islam.

Modal insan, satu istilah yang dicetuskan oleh mantan Perdana Menteri, YAB Dato` Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, memberi maksud individu yang berilmu, berkeyakinan, mempunyai nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, adil, progresif, cekal dan berdaya saing. Inilah modal insan yang memiliki personaliti unggul yang akan menentukan hala tuju negara pada masa hadapan.

Menurut Abd Ghani (1997), pembangunan insan adalah berpaksikan kepada pembangunan aqidah dan rohani yang seimbang, dan ia akan menjana serta membentuk keutuhan yang jitu dari sudut akhlak dan gelagat seseorang individu, sekaligus ia akan meningkatkan keupayaan seseorang individu memandu kehidupan ke arah jalan yang baik dan sejahtera dan memberi manfaat kepada orang lain.

Persoalan berkaitan pelaksanaan aktiviti kerohanian banyak dibahasakan dalam penulisan masa kini. Beberapa penulisan jurnal dan kertas kerja turut membincangkan permasalahan tersebut antaranya Asifa dan Abdul Jalil (2000), Mohd. Mahzan et al. (2008), Suhana dan Osman (2002). Menurut Suhana dan Osman (2002), terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kesuraman aktiviti kerohanian di kalangan siswi muslim di Kolej Tun Razak seperti kemudahan surau yang kurang memuaskan, pemberitahuan tentang aktiviti kerohanian yang tidak disampaikan dengan baik, siswi lebih berminat untuk melakukan ibadah secara individu.

Satu kajian yang dijalankan oleh Mohd. Mahzan et al. (2008) berkaitan peranan surau sebagai institusi sosial ke arah pembangunan insan, kajian kes di Institusi Pengajian Tinggi mendapati ramai remaja tidak mengambil berat dan tidak mengambil peduli terhadap perkembangan syiar Islam dan aktiviti kerohanian di surau. Para remaja tidak merasa terikat dengan surau. Hasil kajian mereka mendapati aktiviti anjuran surau yang paling diminati remaja adalah aktiviti bercorak sambutan perayaan. Ia diikuti aktiviti bercorak majlis kenduri yang mempunyai elemen jamuan iaitu majlis berbuka puasa, majlis doa selamat dan ibadah qurban. Memandangkan bacaan yasin beserta jamuan adalah aktiviti yang dijadikan rutin di surau, maka ia turut mencatat peratusan minat yang tinggi. Aktiviti bercorak keilmuan dan pembelajaran kemahiran dalam keagamaan adalah antara aktiviti yang terletak dalam kategori yang sederhana peminatnya. Berikut adalah ranking 10 aktiviti surau yang paling disukai remaja:

- Sambutan Maal Hijrah
- Sambutan Hari Raya
- Sambutan Maulidur Rasul
- Majlis berbuka puasa
- Majlis doa selamat
- Bacaan Yasin
- Majlis Qurban
- Lawatan
- Tahlil
- Tazkirah

Menurut kajian mereka lagi, aktiviti bercorak pengajian dan keilmuan adalah aktiviti yang tidak diminati remaja seperti berikut:

- Kelas Bahasa Arab
- Berzanji
- Kaunter pungutan zakat
- Gotong- royong
- Koperasi kedai buku

- Nasyid
- Seminar
- Bacaan ilmiah
- Khemah ibadat
- Kursus penyembelihan

Walaupun banyak kajian lain antaranya (Mohd. Mahzan et al., 2008, Nik Kamal et al. 2008) yang telah dijalankan seumpama ini, namun kajian ini merupakan satu nilai tambah kepada kajian yang telah sedia ada dalam usaha memantapkan pelaksanaan aktiviti kerohanian guru pelatih khususnya di IPG Kampus Batu Lintang untuk terus menjadi peneraju kecemerlangan pendidikan.

KAEDAH KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah kajian tinjauan di mana soal selidik digunakan untuk mengumpul data.

Sampel Kajian

Seramai 88 orang guru pelatih muslimah menjadi sampel kajian. Mereka ialah guru pelatih Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan, Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan, Bachelor of Education (TESL-Otago), Kursus Diploma Perguruan Malaysia KEMAS (Pra Sekolah) dan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) yang sedang menuntut di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang pada semester 1 tahun 2010. Kumpulan ini menjadi sasaran kerana mereka adalah di antara pelatih yang selalu dijemput untuk menghadiri aktiviti kerohanian di IPG Kampus Batu Lintang.

Instrumen Kajian

Soal Selidik

Soal selidik yang digunakan untuk mengumpul data dibentuk berdasarkan objektif yang telah ditetapkan. Dua jenis soalan telah dibentuk, iaitu soalan tertutup dan soalan terbuka. Soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu Bahagian A, B dan C. Soalan Bahagian A dan Bahagian B merupakan soalan tertutup. Soalan Bahagian A adalah berkaitan dengan keperluan pelaksanaan aktiviti kerohanian dalam kalangan guru pelatih muslimah di IPG Kampus Batu Lintang. Soalan Bahagian B pula berkaitan aktiviti kerohanian yang diperlukan oleh guru pelatih muslimah di IPG Kampus Batu Lintang serta bahan-bahan bercetak berunsurkan agama yang menyumbang maklumat kerohanian kepada guru pelatih. Skala *Likert* lima poin digunakan iaitu: Sangat Tidak Setuju = 1, Tidak Setuju = 2, Tidak

Pasti = 3, Setuju = 4, dan Sangat Setuju = 5. Soalan Bahagian C merupakan soalan terbuka berkaitan cadangan guru pelatih muslimah terhadap pelaksanaan aktiviti kerohanian dan harapan terhadap pembentukan sahsiah dan rohani di di IPG Kampus Batu Lintang. Soalan ini bertujuan mengumpul maklumat yang boleh digunakan untuk tindakan penambahbaikan aktiviti kerohanian pada masa akan datang.

DAPATAN KAJIAN

Keperluan Pelaksanaan Aktiviti Kerohanian dalam Kalangan Guru Pelatih Muslimah

Perlaksanaan aktiviti kerohanian di IPG Kampus Batu Lintang sememangnya memberi kesan yang mendalam dalam diri semua guru pelatih. Jadual 1 menunjukkan analisa keperluan aktiviti kerohanian dalam kalangan guru pelatih muslimah di IPG Kampus Batu Lintang.

Jadual 1

Keperluan pelaksanaan aktiviti kerohanian dalam kalangan guru pelatih muslimah IPG KBL

| Bil | Item | Min | Sisihan Piawai |
|-----|--|------|----------------|
| 1 | Mendekatkan diri kepada Allah | 4.89 | .32 |
| 2 | Menambah ilmu pengetahuan | 4.88 | .33 |
| 3 | Menambah pengetahuan tentang pendidikan Islam sebagai panduan hidup | 4.84 | .37 |
| 4 | Melengkapkan pengetahuan pelatih dalam mata pelajaran pendidikan Islam | 4.83 | .38 |
| 5 | Mengubah tingkah laku ke arah yang lebih positif | 4.80 | .43 |
| 6 | Membentuk jati diri yang mantap | 4.75 | .55 |
| 7 | Menenangkan hati | 4.75 | .51 |
| 8 | Membentuk sahsiah sempurna | 4.73 | .54 |
| 9 | Meningkatkan semangat untuk mengimarahkan masjid al-Muallimin | 4.70 | .59 |
| 10 | Membina keyakinan diri | 4.68 | .54 |
| 11 | Membersihkan jiwa | 4.65 | .53 |
| 12 | Memiliki kemampuan menyampaikan dakwah kepada rakan- rakan yang lain | 4.42 | .69 |

Dapatan soal selidik menunjukkan bahawa keperluan utama bagi guru pelatih muslimah terhadap aktiviti kerohanian adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Ia merupakan matlamat yang mereka sasarkan sekaligus mencatat min yang tinggi iaitu 4.89. Ini diikuti dengan hasrat mereka untuk menambah ilmu pengetahuan iaitu sebanyak 4.88 dan seterusnya untuk menambah pengetahuan mereka dalam bidang pendidikan Islam sebagai panduan hidup yang mencatat min 4.84.

Sementara itu, item yang mendapat skor terendah dalam kalangan guru pelatih dalam menyatakan keperluan mereka terhadap aktiviti kerohanian ialah memiliki kemampuan dalam menyampaikan dakwah kepada pelajar lain yang hanya mencatat min 4.42, diikuti untuk membersihkan jiwa dengan catatan min 4.65. Item pembinaan keyakinan diri pula, didapati mencatat min 4.68 sahaja.

Aktiviti Kerohanian yang diperlukan oleh Guru Pelatih Muslimah

Jadual 2 menunjukkan antara aktiviti kerohanian yang diperlukan oleh guru pelatih muslimah di IPG KBL. Di antara aktiviti yang sangat diperlukan adalah bacaan Yasin yang mencatat skor min 4.66 diikuti oleh aktiviti Amali Fardhu Ain (solat jenazah) yang mencatat skor min 4.64 dan tazkirah yang mencatat min 4.57. Santapan rohani (usrah) juga diperlukan oleh guru pelatih muslimah iaitu min 4.55. Antara aktiviti kerohanian yang kurang mendapat sambutan dalam kalangan pelajar muslimah IPG KBL ialah aktiviti forum yang mencatat min 4.40 diikuti majlis tahlil yang mencatat min 4.44. Ta`alim (kuliah) selepas solat maghrib dan isyak turut mencatat min yang rendah iaitu 4.48.

Jadual 2

Aktiviti kerohanian yang diperlukan oleh pelatih muslimah IPG KBL

| Bil | Item | Min | Sisihan Piawai |
|-----|--|------|----------------|
| 1 | Bacaan Yasin | 4.66 | .54 |
| 2 | Amali Fardhu Ain (solat jenazah) | 4.64 | .57 |
| 3 | Tazkirah | 4.57 | .50 |
| 4 | Santapan rohani (usrah) | 4.55 | .57 |
| 5 | Amali Fardhu Ain (Projek Sembelihan) | 4.52 | .64 |
| 6 | Ta`alim (selepas Maghrib, Isyak dan subuh) | 4.48 | .63 |
| 7 | Tahlil | 4.44 | .60 |
| 8 | Forum | 4.40 | .69 |

Cadangan Guru Pelatih Muslimah terhadap Pelaksanaan Aktiviti Kerohanian

Daripada soalan terbuka yang diutarakan, cadangan-cadangan guru pelatih adalah seperti yang berikut:

1. Mengadakan sesi/kelas perbincangan mengenai masalah fiqh wanita.
2. AJK program kerohanian tidak hanya tertumpu kepada guru pelatih pengkhususan pengajian agama sahaja.
3. Melaksanakan dan menguatkan aktiviti dan badan usrah iaitu membentuk kumpulan kecil untuk membincangkan isu-isu agama dan isu-isu semasa.
4. Mengadakan aktiviti yang lebih bersifat amali seperti bengkel memasak, menjahit, penyembelihan, pengurusan jenazah dan bengkel penulisan khat.
5. Program mentor mentee bacaan al-Quran melibatkan guru pelatih, pensyarah dan staf.

PERBINCANGAN

Aktiviti kerohanian untuk mendekatkan diri kepada Allah menerbitkan rasa kehambaan dalam diri guru pelatih muslimah di IPG KBL sekaligus menempatkan keperluan mendekatkan diri kepada Allah sebagai satu keperluan utama dalam menambah aktiviti kerohanian yang dihadapi. Sementara keperluan dalam memiliki kemampuan untuk menyampaikan dakwah kepada rakan-rakan yang lain adalah keperluan yang kurang ditekankan dalam kalangan mereka. Ini mungkin disebabkan perasaan kurang yakin dengan diri sendiri dalam berdakwah kepada insan lain. Aktiviti kerohanian merupakan proses pengisian jiwa yang penting untuk membina kekuatan semangat dan keyakinan diri sebagai wasilah mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Bagi amali Fardhu Ain (solat jenazah) pula, keperluan pelajar adalah tinggi kerana program ini hanya dijalankan sekali setahun. Aktiviti yang dijalankan semasa program tersebut juga sangat menarik di mana para pelatih berpeluang membuat amali pelaksanaan solat jenazah dan pengurusannya sekaligus membantu mereka untuk lebih memahami apa yang telah dipelajari sebelumnya. Mereka merasakan adalah perlu mengadakan slot seumpama ini lebih kerap untuk mendedahkan mereka dengan lebih terperinci berkaitan pelaksanaan solat jenazah yang merupakan amalan fardhu kifayah (tuntutan) ke atas umat Islam apabila berlakunya kematian.

RUMUSAN

Pada keseluruhannya, ternyata guru pelatih muslimah di IPG KBL sememangnya memerlukan aktiviti kerohanian dalam kalangan mereka. Keperluan untuk mendekatkan diri kepada Allah sekaligus menambah maklumat dan pengetahuan khususnya dalam bidang Pendidikan Islam juga merupakan keperluan yang disasarkan. Aktiviti bacaan Yasin, amali fardhu ain serta tazkirah merupakan aktiviti yang amat diperlukan oleh guru pelatih muslimah. Bahan-bahan yang menambah maklumat keagamaan adalah majalah berkaitan agama seperti majalah al-Islam yang boleh didapati di perpustakaan IPG KBL, disamping Risalah Jumaat iaitu Ar-Raudhah dan brosur berkaitan kesihatan dalam Islam. Kerjasama daripada semua pensyarah muslim dan muslimah adalah diperlukan bagi memastikan pembangunan kerohanian guru pelatih berjalan dengan lancar di samping aktiviti- aktiviti yang telah dirancang. Penerapan nilai agama yang murni perlu sentiasa disematkan dalam kalangan guru pelatih semasa sesi kuliah dijalankan agar sifat- sifat mahmudah sentiasa diaplikasikan di dalam dan di luar bilik kuliah. Ini secara tidak langsung boleh membantu pihak Jabatan Pendidikan Islam dan Moral dalam usaha membimbing dan menerapkan elemen kerohanian secara konsisten dalam kalangan guru pelatih di IPG Kampus Batu Lintang.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Muin Ahmad (1990). *Tamadun Islam*. Kuantan. Teruntum Sdn. Bhd.
- Al-Ghazali. (2000). *Ihya Ulumuddin*. Kaherah, Mesir: Daar al- Taqwa.
- Asar Abdul Karim & Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin. (2008). Keperluan Pendidikan Rohani dalam Pembangunan dan Pendidikan Islam. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke-6*. Anjuran Fakulti Pendidikan UKM dengan kerjasama Majlis Islam Sarawak & Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak.
- Asifa Binti Ishak dan Abdul Jalil bin Borhan. (2002). *Kajian Keperluan Perlaksanaan Program Kerohanian Untuk Mahasiswa di Universiti Teknologi Malaysia dan Pelaksanaan Program Pembangunan Sahsiah Pelajar dalam Aspek Kerohanian. Satu Kajian di Kalangan Mahasiswi Islam Kolej Tun Razak*. UTM.
- Mohd Farid Mohd Sharif, Jasni Sulong, Mohd Nizam Sahad & Suhaila Abdullah. (2008). Pembentukan Modal Insan Melalui Pendidikan Amar Makruf dan Nahi Mungkar. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke-6*. Anjuran Fakulti Pendidikan UKM dengan kerjasama Majlis Islam Sarawak & Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak.

- Mohd. Mahzan Awang, Sayuti Abd. Ghani, Che Pee Saad & Md. Sabri Adnan. (2008). Surau sebagai Institusi Sosial ke Arah Pembangunan Insan: Kajian kes di Institusi Pengajian Tinggi. Prosiding *Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke-6*. Anjuran Fakulti Pendidikan UKM dengan kerjasama Majlis Islam Sarawak & Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak.
- Nik Kamal Wan Muhammed, Ahmad Sharifuddin Mustapha, Shah Rul Anuar Nordin & Abd. Rahman Ahmad (2008). Pendidikan Akhlak dalam Pembangunan Modal Insan. Prosiding *Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke-6*. Anjuran Fakulti Pendidikan UKM dengan kerjasama Majlis Islam Sarawak & Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak.
- Suhana Binti Ramli dan Osman Bin Sabran (2002). *Pelaksanaan Aktiviti Kerohanian Di Kalangan Siswi Muslim: Satu Kajian di Kolej Tun Razak*. UTM.
- Turki Rabih (1982). *Dirasat Fi At-Tarbiyyah al-Islamiyyah Wa As-Syakhsiyyah Al-Wataniyyah*. Beirut: Al-Muassasah al-Jamii'iyah al-Dirasat al-Nashri al-Tauzi.
- Yusuf al-Qardhawi. (1997). *Hakikat Tauhid* (Terjemahan Abdul Majid Abdullah). Kuala Lumpur. Pustaka Salam.